

RAHMAH HASHIM

Memasyarakatkan Komunikasi Maklumat (TKM) Menerusi Projek E-Komuniti: Yakin Boleh?

Pengenalan

Komuniti merujuk kepada kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau wilayah atau negara; atau masyarakat di sesuatu tempat; atau kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat atau kecenderungan atau kepentingan dan lain-lain yang serupa (Lihat Kamus Dewan 1989). Ini denotasinya. Sepintas lalu, komuniti menggambarkan anggota masyarakat yang sama tempat tinggal, atau tempat bekerja, bermain, bergiat, berinteraksi, dan terakar di suatu lokasi fizikal.

Dalam masa beberapa tahun yang lalu, konsep komuniti ini telah mula mengalami beberapa perubahan khusus apabila teknologi media komunikasi dan teknologi komunikasi maklumat (ICT) berubah dengan begitu pesat sekali. ICT telah mengubah senario komunikasi termasuk cara manusia berkomunikasi, cara bekerja, cara mengurus kehidupan seharian, dan lain-lain lagi. Oleh kerana komunikasi menerusi ICT merentasi masa, ruang atau jarak geografi, maka timbul konsep komuniti elektronik yang memanfaatkan ICT untuk pelbagai kegiatan manusia.

Konsep **Komuniti elektronik (E-Komuniti)** merujuk kepada sekelompok individu yang mempunyai minat, pegangan dan keyakinan yang sama untuk memanfaatkan ICT dalam interaksi dan transaksi seharian bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Komuniti ini bersifat mandiri dan sentiasa bergerak ke hadapan oleh suadaya mereka sebagai satu kesatuan, satu kumpulan, satu komuniti. Tidak semua E-komuniti itu sama fungsi dan peranannya.

Untuk mencapai ciri-ciri komuniti seperti ini, dua pemangkin perlu ada iaitu (1) pemangkin luaran dan (2) pemangkin dalaman.

1. **Pemangkin luaran** meliputi (a) minat atau matlamat yang sama (contoh: politik, ekonomi, agama, kesihatan, pendidikan, dsb.-nya) (b) ekologi yang sama dan (c) pegangan yang sama kerana wujud jaringan adat, nilai dan norma yang sama.
2. **Pemangkin dalaman** lebih bersifat simbolik dan boleh berubah mengikut masa kerana ciri-ciri yang menentukan sempadan komuniti itu boleh berubah seperti ciri etnik atau kaum yang boleh ditentukan melalui warisan, darah dan bentuk wajah atau rupa paras.

Jaringan Komuniti Di Negara lain

Konsep komuniti elektronik atau komuniti maya atau komuniti bistari telah banyak terbentuk di merata dunia tanpa disedari oleh anggota masyarakat sendiri. Singapura telah melancarkan dayausaha yang dikenali sebagai *IT2000* untuk menjadikan Republik Singapura sebagai Pulau Bistari menjelang tahun 2000. Jepun sibuk membina masa depan elektronik yang dipanggil *Technopolis* atau *Teletopia*. Perancis telah mengembangkan idea *Telematique*-nya semenjak 1976 lagi, iaitu usaha untuk membekalkan sebuah komputer di setiap rumah di negara berkenaan.

Di Amerika Syarikat, rancangan yang sedang digiatkan ialah *National Information Initiative* (NII) untuk menghubungkan setiap sekolah dan setiap kanak-kanak sekolah kepada Internet menjelang 2000 (Eger 1997 <http://www.smartcommunities.org/pub/cyberplace.html>). Kanada juga telah menggiatkan pembentukan komuniti bistari dari sekecil-kecil kumpulan sehinggalah komuniti pada tahap negara, yang berkongsi minat dan keyakinan untuk menggunakan ICT untuk mentransformasi kualiti hidup mereka (Lihat <http://www.smartcommunities.ic.gc.ca/smart/sc/english/index2.htm>).

Berbilang komuniti di Amerika Syarikat termasuk di Seattle, Sacramento, Arizona, Columbus-Ohio, San Diego-California (*City of the Future*), Santa Monica-California (*PEN-Pub-*

lic Electronic Network), (California Institute for Smart Communities), Blacksburg-Virginia (electronic village/ CIN-community information network), Austin-Texas (Austin Free Net), telah mengambil daya usaha untuk membina jaringan maklumat menggunakan kiosk dan komputer yang boleh diakses oleh orang awam, sama ada untuk kegunaan perkhidmatan awam atau untuk membentasi masalah sosial, atau untuk kecemasan, ataupun pendidikan literasi bagi golongan yang tidak berkeupayaan (Eger 1997 http://www.smartcommunities.org/pub_cyberplace.html; Chapman & Rhodes 1997 <http://www.articles/oct97/chapman.html>, <<http://www.smartcommunities.org/cal/index.html>>).

Selain contoh-contoh di Amerika Syarikat, juga wujud contoh rangkaian komuniti di beberapa negara lain seperti UK Communities Online (Lihat <http://www.communities.org.uk/main.asp>); VICNET di Victoria, Australia (Lihat <http://www.vicnet.net.au/>); dan KampungNet di Singapura (<http://www.point.pub.com/kampungnet/main.shtml>).

Jaringan Komuniti Di Malaysia

Perlaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah usaha negara untuk terlibat secara serius di dalam era maklumat global. Namun demikian, tidak dipertikaikan bahawa projek MSC yang meliputi kawasan 750 kilometer persegi (merangkumi Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan, dan Cyberjaya, “bandar pintar” MSC), hanya melibatkan organisasi gergasi bertaraf dunia dan syarikat domestik tertentu yang memperoleh status MSC. Ramai yang tidak memahami apa sebenarnya MSC. Untuk mendifusikan inovasi ICT kepada semua golongan masyarakat—bandar/ luar bandar, kaya/miskin, tua/muda, celik komputer atau tidak, maka ICT harus dibudaya dan dimasyarakatkan.

Kempen ICT yang tidak melibatkan rakyat jelata tidak akan membawa makna apa-apa walau banyak mana sekalipun wang yang dibelanjakan untuk mempromosi IT atau menghadiahkan orang dengan teknologi berkenaan. Menyedari hakikat tersebut, maka Majlis Teknologi Maklumat Negara (National IT Council—NITC) telah berusaha memikir, merancang, menggariskan kerangka pembangunan, dan melaksanakan pelbagai kegiatan berteraskan ICT, untuk memperkasakan rakyat jelata. Agenda IT Negara (National IT

Agenda—NITA) telah dilancarkan pada 1996 untuk membuka peluang seluas-luasnya kepada setiap anggota masyarakat mengakses infostruktur dengan saksama, dengan harapan masyarakat agrarian dan/atau perindustrian yang ada akan ditransformasikan kepada masyarakat bermaklumat, kemudian menjadi masyarakat berilmu, dan selanjutnya menjadi masyarakat madani yang diidamkan. NITA juga mengutamakan keseimbangan pembangunan insan dengan pembangunan infostruktur dan aplikasi/kandungan ICT.

NITC telah turut memperkenalkan Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (*Demonstrator Application Grant Scheme—DAGS*) pada 15 Januari 1998 yang dilancarkannya empat bulan kemudian iaitu pada 21 April 1998. DAGS adalah strategi merealisasikan NITA di samping mencapai objektif berikut:

- Membentuk budaya ICT di kalangan rakyat jelata
- Membina rangkaian masyarakat elektronik secara bersepadu
- Mempromosikan pertumbuhan dinamik “web-shapers” dan “web-adaptors”
- Membangunkan komuniti usahawan berasaskan elektronik
- Menggalakkan perkongsian pintar di antara agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Tidak Berorientasikan Keuntungan (NPO)
- Menggalakkan penggunaan ICT secara inovatif (NITC Malaysia 1999)

Untuk diiktiraf sebagai projek DAGS, pengurus sesuatu projek perlu mengambilkira syarat berikut:

- Memenuhi objektif dan syarat Skim, khususnya merealisasikan objektif NITA
- Menyumbang kepada pembudayaan ICT dan aplikasi multimedia di kalangan rakyat jelata
- Mengenal pasti komuniti atau khalayak sasaran tertentu
- Projek mesti berlandaskan ICT
- Memfokus kepada pembangunan kandungan dan insan (bukan pembangunan produk)
- Mempunyai elemen perkongsian bistari dalam pelaksanaan projek
- Mesti sesuai dengan sosio-budaya setempat

- Berupaya untuk diperluaskan kemudian dan ada prospek ekonomi
- Projek yang kecil, terfokus, dalam jangka masa pendek (tidak melewati 12 bulan)

MIMOS adalah urusetia NITC yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan memberi geran kepada semua projek yang diiktiraf sebagai DA. DAGS hanya diberikan kepada pengurusan projek yang mengikut bidang keutamaan. Bidang keutamaan NITC ialah E-Komuniti, E-Pembelajaran, E-Ekonomi, E-Kedaulatan, dan E-Perkhidmatan Awam. Setiap bidang tujuhan (*strategic thrust*) ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Bertindak masing-masing. Oleh kerana tujuan kertas ini ialah untuk menjelaskan pelaksanaan projek E-Komuniti, maka tumpuan hanya diberikan kepada projek-projek E-Komuniti (Lihat Lampiran A).

Jawatankuasa Bertindak E-Komuniti

Jawatankuasa Bertindak E-Komuniti dipengerusikan oleh Dato' Leo Moggie, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Pengerusi Gantiannya (*Alternate Chairperson*) ialah Professor Datin Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Pengarah, Pusat Perkembangan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia, merangkap Timbalan Presiden NCWO. Jawatankuasa ini dianggotai tiga kumpulan bekerja, iaitu:

1. Telekom Malaysia Berhad – bertanggungjawab kepada persoalan ekuiti dan akses kepada infostruktur
2. MIMOS – bertanggungjawab terhadap kandungan dan aplikasi
3. UKM – bertanggungjawab untuk memantau kesan ICT terhadap perubahan kualiti hidup dan difusi

Misi Jawatankuasa Bertindak E-Komuniti ialah untuk mewujudkan E-Komuniti Malaysia yang mempunyai akses kepada ICT dan menggunakannya secara menyeluruh (Lihat brosur E-Komuniti dalam Lampiran B).

Mengapa E-Komuniti?

Matlamat E-Komuniti ialah untuk:

- Meningkatkan daya saing dan produktiviti
- Memacu usaha inovasi produk
- Membangunkan proses serta menjana keupayaan kreatif
- Menyumbang dan melestarikan ekonomi Malaysia berasaskan perkhidmatan dan bersifat global
- Membina sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran ICT
- Membina wahana sosial dan ekonomi yang berterusan sebagai sebahagian daripada proses mendifusi inovasi ICT
- Mentransformasi masyarakat Malaysia daripada masyarakat berpengetahuan, kepada masyarakat berilmu dan masyarakat madani

Tujuan E-Komuniti ialah untuk memperkasakan masyarakat ke arah **kualiti hidup** yang lebih gemilang menerusi penggunaan ICT. Kualiti hidup (*Quality of life—QoL*) agak sukar untuk ditakrif dan dikonsepsikan secara umum kerana keperluan, kehendak, jangkaan, serta harapan setiap individu adalah berbeza-beza. Bagi yang mementingkan kesihatan, maka takrifan kualiti hidup sudah tentu dilihat dari perspektif kesihatan dan perubatan. Kualiti hidup boleh dilihat dari pelbagai aspek (Lihat *Quality of Life Compendium* <http://www.uib.no/isf/people/doc/qol/comp0000.html>) seperti:

1. Pencapaian Matlamat Peribadi
2. Kebahagiaan dan Kepuasan (fizikal, psikologi, sosial, kebendaan, dan keperluan struktural)
3. Kegunaan (Utiliti) Sosial dan Keutamaan

Takrifan yang diberikan oleh *Quality of Life Research Unit, University of Toronto, Canada* mengambil kira unsur subjektiviti dan objektiviti konsep tersebut (Lihat Rajah 1) (<http://www.utoronto.ca/chp/qintro.html>) dalam pelbagai domain kehidupan, yakni, keluarga dan sahabat, dunia pekerjaan, kejurangan/perlindungan, komuniti, kesihatan, pendidikan dan kerohanian. Output daripada pengaruh budaya, profil demografi dan keadaan sosio-ekonomi kepada setiap domain

tersebut boleh menghasilkan sakinah, kualiti hidup yang diinginkan, "a sense of well-being".

Contoh projek E-Komuniti yang digerakkan bersama di bawah NITC dan menerima geran DA ialah *CyberCare*, *Ar-Rahimah Net*, dan *E-Thalassaemia*. (Sila lihat Lampiran C untuk senarai lengkap Projek Percubaan E-Komuniti di Malaysia mulai 1998 hingga kini, dan Lampiran D untuk contoh laman web). Ada juga projek-projek yang merupakan daya usaha komuniti, seperti projek Smart Masyarakat (SMASY) (Kampung Raja Musa, Kuala Selangor) dan *Family Place* (Lembah Klang) yang berjaya mendapatkan Geran DA.

CyberCare. Menjelang suku pertama tahun 2000, E-Komuniti CyberCare akan menghubungkan kanak-kanak dan pentadbir/pengurus 25 buah rumah kebajikan dan rumah anak yatim secara "online" (*Putting Orphanages On Line – POOL*) termasuk Rumah Bakti (Ampang), *Compassion Home* (Subang), Rumah Ozanam (PJ), Rumah Hope (PJ), *Shelter One* (PJ), *Sunbeam Home* (Cheras), Rumah Sayangan (Cheras), Rumah Keluarga Kami (Kajang), *House of Joy* (Puchong), Rumah Kanak-Kanak Impian (PJ), Rumah Kebajikan Ambu Illam (Hulu Kelang), dan Kompleks Darul Kifayah (KL). Tujuannya ialah untuk membantu meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Sistem Komuniti CyberCare (3CS) menjadi hos laman web CyberCare dan digunakan oleh E-Komuniti tersebut. Pengurus projek CyberCare berjaya melibatkan sektor awam dan swasta serta sukarelawan dari NGO dan orang perseorangan untuk melaksanakan projek *eMentoring*, *eFostering*, *Y2Care*, 3CS dan POOL (Lihat <http://cybercare.hitech.com.my/jess/index.html>).

Ar-Rahimah Net. Objektif projek ini ialah untuk membolehkan masjid Ar-Rahimah di Kampung Pandan, Kuala Lumpur, untuk berfungsi sebagai pusat kejrangan berangkaian untuk qariah menerusi penggunaan ICT secara berhasil. Kumpulan penggerak projek ialah MIMOS Berhad, Akademi Pengurusan Akademi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), dan pemimpin komuniti. Jenis perkhidmatan dan aplikasi yang dibangun dan sedang digunakan oleh komuniti Ar-Rahimah Net ialah Sistem Pengurusan Maklumat Asas untuk Pentadbiran Masjid, Pangkalan Data Komuniti, Perpustakaan Mini "Online" untuk Perkongsian Sumber dan Perhubungan Komuniti, Bilik Darjah

Komuniti, dan Sistem Pengiklanan berasaskan web. (Lihat <http://www.j-tetangga.mimos.my/ar-rahimah/main.htm>>).

E-Thalassaemia. Projek ini bertujuan menghubungkan E-Komuniti³ Thalassaemia, yang merangkumi pesakit thalassaemia, ibu bapa dan penjaga pesakit dengan doktor dan petugas perubatan lain di Hospital UKM, Persatuan Thalassaemia Malaysia, *The Malaysian Open-Source Group* (MYOSS) (sebuah syarikat swasta yang membantu membina laman web E-Thalassaemia), para sukarelawan di HUKM dan NGO. (Lihat <http://www.tam.org.my>, <http://www.d-mension.net/TAM/tom.htm>).

SMASY. Projek SMASY (Smart Masyarakat) bertujuan untuk mendifusi inovasi ICT di kalangan komuniti pertanian Kampung Raja Musa, Kuala Selangor untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk kampung menerusi E-Ekonomi, literasi ICT, dan E-Pembelajaran. Projek ini mendedah, memberi kefahaman, dan melatih kanak-kanak sekolah, surirumah, dan orang kampung (termasuk JKKK) menggunakan kiosk maklumat dan komputer, dengan tujuan memasyarakat dan membudayakan ICT di kalangan komuniti sasaran ini. Projek telah digiatkan pada Ogos 1999. Sepertimana projek yang mendapat geran DA, projek SMASY juga melibatkan kerjasama tiga penjurong iaitu ahli komuniti sendiri, pemimpin kampung, agensi swasta (*AinComputer* dan *Worldview Foundation*) sebagai promotor teknologi.

Family Place. Hasil daya usaha sepasang suami isteri membina laman web *Family Place* maka terbentuk suatu E-komuniti yang terdiri daripada ibu bapa dan pakar keluarga yang ingin berkongsi masalah dan cabaran keibubapaan khususnya golongan menengah muda yang memulakan hidup berkeluarga di tengah-tengah bandar. *Family Place* dimulakan pada 1998 dengan wawasan murni untuk membina keluarga bahagia, sihat, pintar, seterusnya membentuk masyarakat penyayang dan baik. (Lihat <http://www.familyplace.com.my>).

Antara sebab mengapa projek-projek ini berjaya mendapatkan geran DA ialah kerana:

- Sejar dengan objektif DAGS
- Termasuk di dalam 5 bidang keutamaan yang dikenal pasti
- Menampakkan unsur perkongsian bistari (smart partnership)

- Komuniti sasaran jelas dan dilibatkan secara langsung dalam projek
- Promoter projek dan rakan kongsi turut menyumbang kepada projek
- Tidak mementingkan keuntungan semata-mata tetapi ada unsur khidmat masyarakat dan tanggungjawab sosial di pihak pengurus projek, promoter teknologi dan komuniti

Peranan Pasukan Pemantau QoL-UKM

Pasukan ini diberi mandat memantau keberkesanan ICT dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti sasaran. Kaedah yang digunakan ialah gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pada peringkat awal ini, ahli-ahli pasukan diagihkan lokasi pemantauan untuk memulakan proses pengamatan. Untuk projek CyberCare, pembantu penyelidikan terlebih dahulu didedahkan kepada mekanisme kerja sukarelawan CyberCubs yang dilatih dan diberi kebenaran khusus untuk membantu kanak-kanak di Rumah Kebajikan dan Rumah Kanak-Kanak Yatim yang dikenal pasti. Pemantauan juga mengambilkira komponen berikut:

- a. **impak** (sama ada berlaku sebarang perubahan dan pengubahsuaian; adaptasi dan modifikasi, atau perubahan struktural) kepada proses hidup seharian, kejelekitan sosial, pengkayaan hidup dan governan
- b. **faktor pencelah** seperti adat resam, nilai budaya, norma masyarakat dan lain-lain, yang mungkin mempengaruhi komuniti sasaran

Dari segi impak, yang dipertimbangkan ialah sejauh mana komuniti sasaran mempunyai akses kepada infostruktur, memiliki kemudahan ICT dan bagaimana pola penggunaannya – siapa yang menggunakan, apa kemudahan yang ada, apa yang digunakan, pengetahuan tentang ICT, bila menggunakannya, di mana, bagaimana, berapa kerap, mengapa, dll. Akhirnya yang ingin dirumuskan ialah sejauh manakah ICT meningkatkan kualiti hidup dan mencapai matlamat penggunaan ICT di kalangan masyarakat yang dikaji? Apakah masalah yang dihadapi, jika ada? (Lihat juga Abd. Rahim 1999, untuk penjelasan kuantitatif).

Penemuan awal menunjukkan bahawa penggunaan ICT telah disedari tetapi kemudahan ICT masih amat terhad. Kalau adapun, kemampuannya amatlah sedikit. Untuk projek CyberCare, dua buah Rumah Anak Yatim yang dikaji menunjukkan bahawa ICT masih belum lagi digunakan untuk tujuan berhubung dan berinteraksi dengan E-Komuniti CyberCare di Rumah Kebajikan/Rumah Anak Yatim yang lain. Kemampuan komputer yang ada terlalu kecil sehingga menimbulkan pelbagai masalah apabila berusaha mengakses mel elektronik atau satu-satu laman web dan mencetaknya. Juga, masih ada rasa curiga di pihak pentadbir terhadap aspek negatif Internet, walaupun disedari bahawa kebaikannya juga banyak. Projek E-Thalassaemia juga masih di peringkat awal penyediaan dan mengemaskinikan laman web, menyedarkan komuniti akan kewujudan laman web dan e-mel, serta melatih ahli-ahli Persatuan Thalassaemia mengguna dan mengakses laman web dan e-mel.

Penutup

E-Komuniti tidak mudah wujud dan dilestarikan. Jaringan komuniti adalah jaringan manusia, bukan teknologi. Jaringan komuniti boleh memberikan kesedaran, kefahaman, pengalaman sebenar bagaimana hidup dalam masyarakat bermaklumat dan berilmu. Untuk menjayakan konsep E-Komuniti yang sebenarnya, ahli-ahli komuniti itu sendiri mesti terlibat secara aktif, dan komited dalam usaha membentuk jaringan maklumat yang boleh memanfaatkan komuniti dari segi ekonomi dan sosio-budaya (termasuk pembinaan dan pemantapan jatidiri) serta kejelekitan sosial, dan berkongsi wawasan yang dipersetujui bersama. Pihak swasta dan awam juga mesti membantu dari segi akses dan kesaksamaan kepada infostruktur dan kepakaran bidang. Infrastruktur bukan lagi satu masalah di Malaysia. Yang menjadi cabaran utama ialah isu kesaksamaan, akses, keterlibatan, dan bagaimana komuniti terlibat dan tergolong dalam E-Komuniti.

Projek E-Komuniti bukan platform untuk mengkayakan kumpulan tertentu yang celek ICT tetapi suatu manifestasi perkongsian bistari di antara semua pihak — anggota komuniti, pihak swasta dan juga awam, yang bekerjasama untuk memanfaatkan komuniti. Wujudnya E-Komuniti juga tidak bererti akan terpususnya komuniti secara fizikal.

Sepertimana teknologi lain, ICT hanyalah alat dan wahana untuk mempermudah tugas dan kegiatan seharian anggota masyarakat, menambahkan ilmu yang boleh dimanfaatkan, memperkayakan minda, dan mempergiatkan hidup berk komuniti tanpa halangan masa, jarak atau status ekonomi.

Kertaskerja ini telah dibentangkan di Seminar " Memasyarakatkan ICT" di Dewan Persidangan IDEAL, Universiti Putra Malaysia, Serdang, pada 10-11 Mei 2000.

Rahmah Hashim (Ph.D Ohio State) ialah Prof. Madya di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penulis

¹ Kumpulan QoL-UKM terdiri daripada Prof. Madya Dr. Abd.Rahim Md.Nor, Encik Hasan Mat Nor, Puan Fuziah Kartini Hasan Basri, Puan Arfah Yusof, Puan Normah Mustaffa dan penulis sendiri dengan dibantu oleh penyelidik-penyelidik muda – NorEdayu Omar, B.J. Teoh, Susana Kuan, K.P. Tan, Michelle Kuan, Farah Diba Jamaluddin (1999/2000) dan Massila Hamzah (2000).

Nota

² Kira-kira 3-5 peratus populasi Malaysia merupakan pembawa penyakit thalassaemia, iaitu sejenis penyakit darah yang berpunca daripada gangguan proses pembentukan sel darah merah akibat kekurangan haemoglobin.

Abd. Rahim Md. Nor. 1999. *Statistik mengukur kualiti hidup manusia: aplikasinya dalam pemantauan projek E-Komuniti di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM pada 2 September. (Mimeograf)

Rujukan

Arfah Yusof. 1999. *Kualiti hidup*. (Mimeograf).

Chapman, G. & Rhodes, L. 1997. Nurturing neighborhood nets. <http://www.articles/oct97/chapman.html>

Eger, J.M. 1997. *Cyberspace and cyberplace: building the smart communities of tomorrow*. http://www.smartcommunities.org/pub_cyberplace.html

Fuziah Kartini Hassan Basri 1999. *E-Community: measuring the quality of life—social cohesiveness (kejelekitan sosial)*. (Mimeograf).

Hasan Mat Nor. 1999. *Memantau perubahan QoL E-Komuniti*. (Mimeograf).

<http://www.asu.edu/caed/evc/wisev.html>

<http://smartcommunities.ic.gc.ca/smart/sc/english/index2.htm>

- Kuan Soo Kin. 2000. *Peningkatan kualiti hidup E-Thalassaemia menerusi penggunaan teknologi komunikasi maklumat: satu kajian kes*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).
- Kuan, S. 2000. *Penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dalam meningkatkan kualiti hidup E-Komuniti CyberCare: Satu kajian kes di Darul Kifayah, Kuala Lumpur*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).
- Nor'Asyiren Farah Diba Jamaluddin. 2000. *Keberkesanan teknologi komunikasi maklumat dalam meningkatkan kualiti hidup anak-anak yatim CyberCare: Kajian kes di Rumah Keluarga Kami, Kajang, Selangor*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).
- Normah Mustaffa. 1999. *Pengkayaan hidup (Enrichment of life)*. (Mimeograf). *Quality of Life Compendium*
- Quay, R. 1997. *The electronic village: impact of electronic communication trends on the form and function of local communities*. <http://www.asu.edu/caed/proceedings97/quay1.html>
- Rahmah Hashim, Abd. Rahim Mat Nor, Arfah Yusof, Fuziah Kartini Hassan Basri, Hasan Mat Nor, & Normah Mustaffa. 1999. *Dari Desa-AIM ke E-Bario: usaha memperkasakan komuniti melalui teknologi komunikasi maklumat*. Kertas kerja disampaikan di Simposium Penyelidikan Komunikasi ke 6 di UKM Bangi pada 23-24 November.
- Rofidah Ruslan. 2000. *Penggunaan teknologi komunikasi maklumat di kalangan komuniti CyberCare: Kajian kes di Rumah Anak-Anak Yatim Keluarga Kami, Kajang, Selangor*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).
- Tan Koh Pey. 2000. *Penggunaan teknologi komunikasi maklumat di kalangan sasaran CyberCare: Satu kajian kes di Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).
- Teoh Beng Jun. 2000. *Kesan teknologi komunikasi maklumat (ICT) ke atas kualiti hidup kanak-kanak yatim CyberCare: Satu kajian kes di Darul Kifayah, Kuala Lumpur*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).
- Wan Suryana Ton Mohamad. 2000. *Penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) di kalangan komuniti CyberCare: Kajian kes di Rumah Anak-Anak Yatim Keluarga Kami, Kajang, Selangor*. Kertas projek Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Komunikasi, FSJK, UKM Bangi. (Tidak bercetak).

LAMPIRAN A
Projek Percubaan E-Komuniti

<i>Nama Projek</i>	<i>Kawasan Projek</i>	<i>Kumpulan Sasaran</i>	<i>Objektif Projek</i>	<i>Hasil yang dikehendaki</i>	<i>Jangkamasa</i>	<i>Pengurus Projek</i>	<i>Status</i>	<i>Biaya</i>
DESA-AIM	<ul style="list-style-type: none"> • Pendang, Kedah • Kota Samarahan, Sarawak 	Sahabat AIM	<ul style="list-style-type: none"> • Akses kepada ICT • Perolehan maklumat pertanian, perusahaan kecil, latihan 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbaiki buatputusan mengenai penggunaan & pengeluaran • Perbaiki pengeluaran hasil kerja (kraftangan, perniagaan kecil, pertanian dll) 	Mulai Februari 1999	AIM	Sedang berjalan	<ul style="list-style-type: none"> • AIM • Syarikat Swasta • Syarikat Telekom
CYBERCARE	Seluruh negara, dan akhirnya tahap global	Rumah Kebajikan dan Rumah Anak Yatim	Perluaskan hubungan antara dan intra komuniti sasaran menerusi ICT	<ul style="list-style-type: none"> • Kejelekitan sosial di antara dan di dalam Organisasi komuniti sasaran • Tingkatkan kualiti hidup kanak-kanak, dan kualiti kerja pentadbir dan pengurus 	1999-2000	<ul style="list-style-type: none"> • Hitechniaga • Lions Club • Microsoft • NGO 	Sedang giat berjalan	<ul style="list-style-type: none"> • Hitechniaga • DAGS • Microsoft • Jabatan Kebajikan Masyarakat • Komuniti • DII • Sumbangan sektor swasta dan orang perseorangan

LAMPIRAN A
Projek Percubaan E-Komuniti (sambungan)


<i>Nama Projek</i>	<i>Kawasan Projek</i>	<i>Kumpulan Sasaran</i>	<i>Objektif Projek</i>	<i>Hasil yang dikehendaki</i>	<i>Jangkamasa</i>	<i>Pengurus Projek</i>	<i>Status</i>	<i>Biaya</i>
R. T. Net	Taman Permata, Hulu Kelang Taman Bukit Cheras, KL	Komuniti Rukun Tetangga	Perluaskan akses kepada ICT sesuai dengan keperluan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatkan kejelekitan sosial dalam komuniti RT • Penggunaan dan pengurusan sumber komuniti yang berkesan 	1999 - 2000	Jabatan Perpaduan Negara, Wilayah Persekutuan (Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	Tahap perancangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Negara & Pembangunan Masyarakat • Sektor Swasta
Masjid sebagai Pusat Kejiranan	Masjid Ar-Rahimah, Kg. Pandan, KL	Pengurus Masjid dan qariah	Perluaskan hubungan qariah dan masjid menerusi ICT	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatkan kualiti pengurusan qariah • Penggunaan & perkongsian sumber komuniti secara lebih berkesan 	Jun 1998- Julai 1999	MIMOS	Sedang berjalan	<ul style="list-style-type: none"> • Akademi Pengurusan YPEIM • MIMOS • Masjid Ar-Rahimah, Kg. Pandan
E-Thalassaemia	Kuala Lumpur dan kemudian ke seluruh negara dan tahap global	Ibu bapa dan penjaga pesakit thalassaemia, & kumpulan sokongan	<ul style="list-style-type: none"> • Jaringan ICT • Perolehan maklumat perubatan khusus 	Memudahkan perolehan maklumat yang diperlukan pesakit dan ibu bapa/penjaga. Perbaiki dan perluaskan jaringan kumpulan sokongan	2000	Persatuan Thalassaemia	Sedang berjalan	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Thalassaemia Malaysia • Malaysian Open Source Group (MYOSS) • DAGS

LAMPIRAN A
Projek Percubaan E-Komuniti (sambungan)

<i>Nama Projek</i>	<i>Kawasan Projek</i>	<i>Kumpulan Sasaran</i>	<i>Objektif Projek</i>	<i>Hasil yang dikehendaki</i>	<i>Jangkamasa</i>	<i>Pengurus Projek</i>	<i>Status</i>	<i>Biaya</i>
Networking Women	Seluruh negara	Pertubuhan yang bergabung dalam NCWO dan Pertubuhan Wanita lain	Akses kepada ICT dan jaringan komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatkan keperluan maklumat dan komunikasi wanita • Perbaiki jaringan wanita 	2000	NCWO	Sedang dirancang	<ul style="list-style-type: none"> • NCWO • DAGS (sedang mohon)
E-Bario	Bario, Sarawak	Komuniti bario	Akses kepada ICT dan perolehan maklumat selaras dengan keperluan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatkan kualiti hidup komuniti menerusi ICT • Perbaiki perolehan maklumat kesihatan, pertanian dan pendidikan 	2000	UNIMAS	Sedang berjalan	<ul style="list-style-type: none"> • UNIMAS • DAGS (sedang mohon)

LAMPIRAN B

QUALITY OF LIFE: A SYSTEMS MODEL



LAMPIRAN C

Contoh Laman Web Projek E-Komuniti Malaysia



Homepage ini hanya sesuai dilayari menggunakan Netscape
Konsep & Rekaipita oleh Jalinan Tetangga, MIMOS Berhad
Technology Park Malaysia, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +603 9665000 Fax: +603 9660254

LAMPIRAN C (i)

Contoh Laman Web Projek E-Komuniti Malaysia



CyberCare! has moved.

Please bookmark the new URL:

For more information you can contact at T/F 8994 7929/6929
or e-mail us at cybercub@lion-cybercare.org

LAMPIRAN C (ii)

Contoh Laman Web Projek E-Komuniti Malaysia

ARTICLES/PAPERS SECTION
 The Articles/Papers Section has been set up and currently there are 3 sub-sections under it, Social, Medical and Experiences. Please lend your support by sending in articles to the webmaster.

FAMILY DAY cum TAM's WEEK-END CAMP
 TAM will be organising a family day cum week-end camp for its members and the Thalassaemic Societies of Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Johore, Pahang, Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan, and Klang at the following date and venue:
 Date: 9 - 10 September 2000
 Venue: Selesa Hill Homes & Health Farm
 Bukit Tinggi, Bentong, Pahang.
 For more details of the Camp -->

A Malaysian Open Source True Story - E-Thalassaemia
 The Malaysian Open-Source Group website has a feature article on how open-source software and the My-OpenSource group helped make the E-Thalassaemia e-community a reality with almost zero funding but a lot of determination and self-help.


TAM web site has been selected as one of the Net's finest informative and is included in StudyWeb's listing of educational links.

The Thalassaemia Association of Malaysia (TAM) is the main promoter of the E-Thalassaemia e-community. TAM was established in 1987 as a non-profit health organisation for the purpose of providing a formal body for the benefit of thalassaemia patients and their families in Malaysia and to those who have an interest in thalassaemia. TAM's registered members come from all over the country and it works closely with other similar state-based organisations.
 read further --> [About Us](#)

© 2000 The Association of Thalassaemia Patients in Malaysia
 Designed by The Malaysian Open-Source Group (www.my-opensource.org)

LAMPIRAN C (iii)

Contoh Laman Web Projek E-Komuniti Malaysia



Dikendalikan oleh/Maintain by
Pasukan Kandungan & Aplikasi dari Kumpulan Bertindak E-Komuniti
Content & Application from E-Community Task Force
e-mail: netcom@mimos.my